



TEKS UCAPAN

**YB DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
MENTERI KERJA RAYA
KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA**

**BERSEMPENA
MAJLIS SAMBUTAN HARI INTEGRITI 2023**

**PADA 24 OKTOBER 2023
(SELASA)**

**BILIK TANJUNG, TINGKAT 6, BLOK A
KOMPLEKS KERJA RAYA**

SALUTASI (SETELAH MENDAPAT PENGESAHAN KEHADIRAN)

Salam Sejahtera, Salam Perpaduan dan Salam Malaysia Madani,

1. Syukur kepada Tuhan kerana dengan kurnia-Nya maka kita dapat bersama-sama pada hari ini untuk meraikan Majlis Sambutan Hari Integriti 2023 peringkat Kementerian Kerja Raya.
2. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Unit Integriti, Kementerian Kerja Raya serta semua Bahagian-Bahagian, Cawangan dan Unit di peringkat Kementerian, Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), Lembaga Jurutera Malaysia (LJM), Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) dan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM) dalam menjayakan program yang penuh bermakna ini.
3. Sambutan Hari Integriti Nasional yang disambut secara tahunan ini adalah bertujuan untuk memupuk kesedaran di kalangan penjawat awam dan masyarakat umum tentang kepentingan mengamalkan nilai-nilai murni dan integriti secara berterusan, dengan matlamat hala tuju bebas daripada amalan rasuah serta penyelewengan pada setiap masa dan keadaan.
4. Walau pun lazimnya sambutan Hari Integriti diadakan pada bulan November setiap tahun, bagi tahun ini KKR mengadakan majlis ini lebih awal dengan tema sambutan **“Integriti Citra Malaysia Madani”**.

Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

5. Bagi mencapai visi Malaysia Madani untuk membangun tanah air yang lebih mampan dan makmur berteraskan ruh daya cipta, nilai hormat, keyakinan dan ihsan, di mana keterangkuman dan kesaksamaan menjadi teras utamanya- yakni sebuah masyarakat Malaysia yang adil, Kerajaan telah menetapkan lima (5) agenda Negara Madani iaitu:
 - (i) Teras Utama- Kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan;
 - (ii) Indeks Kesejahteraan- **Membanteras gejala rasuah dan penyelewengan**, kesaksamaan sosial, budaya hidup damai bersama;
 - (iii) Karamah Insan- Noktah kemiskinan tegar, inisiatif rahmah, penjajaran semula subsidi, pengangguran, **mengatasi isu air dan infrastruktur**;
 - (iv) Perberdayaan Tamadun- Adab, etika, nilai murni dan akhlak mulia; dan
 - (v) Jati Diri- Budaya bangsa unggul, pemantauan dan penambahbaikan berterusan.

6. Di bawah agenda Negara Madani yang telah dinyatakan tadi, saya menyeru semua warga kerja Kementerian Kerja Raya, Jabatan serta Agensi untuk menyokong dan berperanan memastikan agenda yang telah digariskan tersebut dijadikan asas dan sandaran dalam membuat keputusan, perancangan, pelaksanaan dasar mahupun projek pembangunan di bawah Kementerian ini.

Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

7. Pada 10 November tahun lepas, Kementerian ini telah menandatangani Nota Kerjasama dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bertujuan untuk menjalinkan kerjasama erat berkaitan hal-hal pengoperasian, pencegahan rasuah, pendidikan anti rasuah dan perkongsian kepakaran dan aspek pengesanan jenayah rasuah, penyaluran maklumat serta latihan demi membanteras jenayah rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan.
8. Saya berharap agar kerjasama bersama pihak SPRM yang telah terbina sejak tahun 2013 melalui Memorandum Persefahaman (MoU) dan diperbaharui melalui Nota Kerjasama ini dapat dimanfaatkan sebaiknya melalui penganjuran lebih banyak aktiviti, program, serta perkongsian maklumat dan kepakaran di antara kedua-dua pihak, terutamanya dalam membantu pihak SPRM melaksanakan tugas siasatan.
9. Walaupun kita sedia maklum bahawa kesalahan rasuah di bawah **Kanun Keseksaan** (Akta 574) memperuntukkan hukuman penjara dan denda ke atas penjawat awam di bawah seksyen 161 sehingga 165 manakala **Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009** (Akta 694) memperuntukkan hukuman penjara tidak melebihi dua puluh (20) tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan ke atas penjawat awam di bawah seksyen 16 sehingga 23, tetapi kes-kes sedemikian masih lagi berlaku di Jabatan dan Agensi bawah Kementerian ini. Tidak terkecuali kes-kes yang melibatkan penyalahgunaan dadah dan sebagainya.

10. Berdasarkan kepada statistik SPRM yang melibatkan pihak Kementerian dan JKR pada tahun 2020 sehingga 2023, sebanyak 27 kertas siasatan telah dibuka, melibatkan 28 tangkapan dan 15 pegawai telah dipertuduhkan di mahkamah.
11. Oleh yang demikian, saya meminta Ketua-Ketua Jabatan dan Bahagian, sama ada di peringkat ibu pejabat, negeri atau daerah agar meningkatkan pemantauan tingkah laku pegawai serta kakitangan dan memainkan peranan penting dalam usaha mencegah amalan rasuah di organisasi seliaan masing-masing. Perlu dijadikan iktibar bahawa tempoh bagi memulihkan persepsi buruk masyarakat terhadap amalan rasuah yang berlaku di sesebuah organisasi memakan masa yang agak lama kerana imej dan reputasi baik organisasi tidak terbina dalam masa yang singkat.
12. Saya yakin kita boleh membawa KKR menuju ke arah **KKR Berintegriti dan Bebas Rasuah** sekiranya setiap warga Kementerian, Jabatan dan Agensi membudayakan konsep pencegahan, memelihara integriti ketika melaksanakan tugas atau tanggungjawab serta bersikap tegas menolak amalan rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa pada setiap masa, dan tempat.
13. Ingatlah, mereka yang berintegriti adalah mereka yang sentiasa menjaga sepenuhnya masa bekerja yang berkualiti, ibarat ungkapan peribahasa *seperti menatang minyak yang penuh*, di samping menerapkan nilai-nilai murni ketika melaksanakan tugas yang diamanahkan, demi menjaga dan menghormati masa orang lain.

Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

14. Sebelum saya akhiri ucapan saya pada hari ini, sekali lagi saya mengucapkan setinggi – tinggi tahniah dan syabas kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan sambutan Hari Integriti Nasional 2023.

15. Dengan ini, saya merasmikan sambutan Hari Integriti Peringkat Kementerian Kerja Raya Tahun 2023 dengan tema:

“INTEGRITI CITRA MALAYSIA MADANI”

Sekian, terima kasih.